

29 MAY 2002

Mahathir-Media/I

DR MAHATHIR BIDAS MEDIA KERANA LAYAN "PENJENAYAH" SEBAGAI WIRA

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas media kerana memberi layanan khas kepada "penjenayah" tertentu.

Merujuk secara tidak langsung kepada ahli perniagaan Datuk Soh Chee Wen, Perdana Menteri berkata beliau tidak faham mengapa media memberikan liputan bagaikan kepulauan seorang wira bagi "seorang yang diketahui penjenayah".

"Sedangkan kita tahu dia seorang penjenayah yang lari dari Malaysia selama beberapa tahun dan tidak berani balik kerana dia takut ditangkap," katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Dunia FIABCI 2002 di sini, Dr Mahathir berkata orang itu kini telah pulang bagaikan wira dan media massa melaporkan apa yang beliau mahu lakukan seterusnya.

"Saya tak fahamlah apa tujuan dia nak jadikan orang seperti ini sebagai wira," katanya.

Ditanya sama ada beliau merujuk kepada Soh yang kembali untuk menghadapi tuduhan jenayah komersil selepas bersembunyi selama tiga tahun, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu siapa yang saya merujuk kepada. Anda boleh teka sendiri."

Dr Mahathir berkata dalam kebanyakan kes, media banyak mengembar-gemburkan isu-isu sehinggakan apa yang dibangkitkan oleh media menyebabkan seseorang itu sudahpun disabitkan kesalahan sebelum dihadapkan ke muka pengadilan.

"Lepas itu, isu itu terkuburbegitu sahaja walaupun orang itu tidak bersalah," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim telah memberi penjelasan beliau akan krikikan beliau terhadap pihak penguatkuasa.

Perdana Menteri berkata Rais telahpun menjelaskannya.

"Ya ada sesuatu yang menyebabkan beliau membuat kenyataan itu dan kita sedang meninjaunya," kata beliau lagi.

Rais dilaporkan telah membidas pihak penguatkuasa undang-undang di negara ini kerana tidak meneruskan kes-kes pecah amanah (CBT) membabitkan individu atau pertubuhan tertentu hingga selesai.

Ditanya sama ada Rais membuat kenyataan itu berdasarkan kepada fakta, Dr Mahathir bersetuju.

Beliau berkata Rais juga telah memaklumkan kepadanya yang beliau tidak menuduh sesiapa apabila membuat kenyataan itu.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai laporan terbaru sebuah pertubuhan bukan kerajaan Amnesty International yang terus menyelar hak asasi di Malaysia.

"Itu dia biasa sahalah. Di tempat lain ada orang kena tindas, bunuh ramai-ramai pun dia tak beri perhatian. Dia nak bagi perhatian kepada Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MAD MFJ PR